

Menarik komuniti Jepun

11.17.10 12.3.07

Oleh ROSNI HASSAN
(WARTAWAN UTUSAN)

LAWATAN rasmi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke Jepun pada 5 hingga 8 Mac lalu bermakna bagi Malaysia dan Jepun sempena 50 tahun terjalannya hubungan diplomatik antara kedua-dua negara tahun ini.

Lawatan Najib atas jemputan kerajaan Jepun ini menjadi penyambung hubungan diplomatik sedia ada yang terjalin sejak sekian lama menerusi pertemuan antara pemimpin kedua-dua negara sekali gus dapat mewujudkan hubungan yang lebih mantap dengan negara matahari terbit itu.

Ia juga dilihat sebagai langkah susulan dalam meneruskan kesinambungan hubungan dua hala Malaysia-Jepun menerusi pelbagai bidang berpotensi di samping melihat peluang-peluang baru untuk diteroka demi faedah bersama.

Bagi Malaysia, sejarah pahit yang tercatat semasa Perang Dunia Kedua lalu semasa Jepun menduduki negara ini sudah berlalu. Jepun kini adalah Jepun yang baru. Kepimpinannya telah banyak berubah dan negara itu sendiri menyokong keamanan sejagat.

dalam untuk meneroka lebih banyak bidang baru dengan negara ini.

Jika sebelum ini kerjasama ekonomi Malaysia-Jepun lebih tertumpu kepada bidang pembuatan kini banyak syarikat dari Jepun menunjukkan minat untuk melabur dalam bidang teknologi tinggi selain bioteknologi, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta modal insan.

Minat mereka ini diterjemahkan menerusi beberapa sesi pertemuan dan soal jawab yang dihadiri oleh Najib apabila ahli perniagaan Jepun memperlihatkan komitmen masing-masing untuk berkongsi pengalaman dan melabur di negara ini dalam pelbagai bidang selain memperkenalkan teknologi baru di Malaysia. Kerjasama dalam bidang bioteknologi antara Malaysia dan Jepun turut dimeterai apabila memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani antara Kaneka Corporation (Kaneka), Felda Holdings Berhad dan Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp).

Dijangkakan lebih banyak perjanjian dan MoU ditandatangani pada masa depan berikutan langkah Malaysia menyediakan peluang perniagaan yang kondusif untuk pelabur Jepun.

Yang mana mereka kini sedang meli-



SHINZO Abe (kanan) bersalaman dengan Najib Tun Razak ketika lawatan rasmi Timbalan Perdana Menteri ke Jepun, baru-baru ini.

- Bernama

Sejarah lalu tidak perlu diungkitkan lagi justeru lawatan Timbalan Perdana Menteri telah mewujudkan suasana lebih baik bagi kerjasama dalam pelbagai bidang khususnya ekonomi secara menyeluruh di antara kedua-dua negara.

Jepun dalam masa 50 tahun ini telah menunjukkan mereka menentang penggunaan kekerasan setelah mengalami kesan buruk akibat Perang Dunia Kedua.

“Sekarang kita tidak ada perasaan curiga terhadap Jepun dan kita mengalu-alukan penyertaan negara itu (dalam misi keamanan) dengan lebih meluas lagi,” kata Najib sambil menyatakan Malaysia menerima baik kehadiran Jepun dalam misi-misi keamanan serantau.

Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan pada 1982 ternyata masih relevan justeru lawatan Najib kali ini telah meningkatkan lagi kerjasama dan persahabatan antara kedua-dua negara.

Dalam lawatan kali ini, Timbalan Perdana Menteri mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan para pemimpin utama Jepun seperti Perdana Menteri, Shinzo Abe, Menteri Pertahanan, Fumio Kyuma dan Menteri Luar, Taro Aso selain sektor swasta dan ahli perniagaan Jepun.

Pertemuan Najib bersama kira-kira 30 delegasi dari Malaysia termasuk pemimpin politik dan ahli perniagaan ternyata dialu-alukan apabila pemimpin peringkat atasan hinggakan sektor swasta Jepun menunjukkan minat men-

ting minat mereka terhadap melihat peluang-peluang pelaburan baru yang berpotensi untuk diteroka di Malaysia yang disifatkan mesra pelabur.

“Kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara dijangka terus berkembang berikutan keyakinan syarikat-syarikat Jepun terhadap ekonomi Malaysia yang diramal terus kukuh pada tahun-tahun akan datang,” kata Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Mohd. Radzi Abdul Rahman.

Selain itu, kestabilan politik, ekonomi dan sosial turut menggalakkan lebih ramai pelabur Jepun melabur di Malaysia dengan jumlah perdagangan Malaysia ke Jepun tahun lalu meningkat kepada RM115.74 bilion, 10.8 peratus daripada nilai keseluruhan perdagangan Malaysia.

Manakala jumlah eksport Malaysia ke Jepun juga meningkat 8.07 peratus iaitu daripada RM49.93 bilion pada tahun 2005 kepada RM52.20 bilion tahun lalu. Selain itu, pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun (JMPEA) tahun lalu juga dilihat telah berjaya membuka era baru dalam hubungan ekonomi kedua-dua negara.

JMPEA dilihat berjaya mengukuhkan jaringan perniagaan dan mewujudkan peluang kerjasama yang lebih luas di antara Malaysia dengan Jepun.

Dari segi hubungan dagangan dua hala Malaysia-Jepun, pada 2006 ia berkembang sebanyak 8.4 peratus iaitu daripada RM103.95 bilion (AS\$29.7 bilion) kepada RM112.7 bilion (AS\$32.2 bilion).

Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan pada 1982 ternyata masih relevan justeru lawatan Najib kali ini telah meningkatkan lagi kerjasama dan persahabatan antara kedua-dua negara

Pelaburan Jepun di Malaysia sehingga kini berjumlah RM47.6 bilion (AS\$13.6 bilion) iaitu melibatkan sebanyak 2,815 projek dengan Jepun secara konsisten berada di kedudukan kelima teratas bagi pelaburan asing di Malaysia, mengatasi Amerika Syarikat.

Tahun lepas, 81 projek dari Jepun dengan pelaburan sebanyak RM4.2 bilion (AS\$1.2 bilion) diluluskan, yang tertinggi dicatatkan sejak 1996.

Dan lawatan delegasi Malaysia kali ini banyak membantu mewujudkan aliran perdagangan yang lebih besar serta menyediakan asas untuk syarikat-syarikat dari kedua-dua negara memperbaharui kerjasama ekonomi dalam menjana pasaran masing-masing di rantau ini.

Ini diaku oleh Timbalan Perdana Menteri, semasa sidang akhbar di akhir lawatan rasminya beliau memberitahu, lawatan ini mencapai kejayaan dengan komitmen Jepun untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam pelbagai bidang berpotensi dengan Malaysia.

Yang mana menurut Najib, melalui perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin serta sektor awam dan swasta di Jepun, mereka memberikan maklum

balas positif terhadap usaha memperkukuhkan kerjasama dalam pelbagai aspek termasuk ekonomi.

“Dengan lawatan ini, saya dapat melihat dan merasa sentimen kerajaan Jepun dan sektor swasta begitu membrangsangkan terhadap Malaysia,” katanya.

Malaysia sentiasa menarik komuniti perniagaan di Jepun kerana mereka boleh mendapat manfaat daripada peluang-peluang yang diwujudkan menerusi inisiatif ASEAN yang mana ia memberi peluang kepada mereka untuk memasuki bukan sahaja pasaran ASEAN tetapi juga pasaran Asia Timur dan Selatan.

Hubungan langsung yang baik antara Malaysia dengan Jepun penting bukan sahaja dari segi perdagangan dan pelaburan, tetapi juga dari segi hubungan diplomatik kerana melalui pakatan dan persefahaman yang baik, rantau ini juga akan bertambah kukuh.

Ia sekali gus membuka lebih banyak peluang untuk negara-negara di rantau ini mewujudkan jaringan kerjasama ekonomi dan diplomatik yang lebih erat bagi menjamin keselamatan dan kemakmuran serantau.